

**PENGGUNAAN IMEJ VISUAL SECARA ANSUR MAJU UNTUK
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS KATA NAMA
BAHASA MELAYU MURID TAHUN EMPAT**

Oleh

Suzi binti Jinau
susannasuzi.johnj@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya, selain menilai sejauh manakah penggunaan imej visual membantu murid menulis kata “nama am” dan kata “nama khas” menggunakan tanda baca yang betul berdasarkan latihan ansur maju? Ransangan imej visual digunakan secara ansur maju berasaskan Pendekatan Pengajaran Ekspositori Ausubel (1968). Peserta kajian terdiri daripada saya dan dua orang murid Tahun Empat yang sering melakukan kesalahan semasa menulis kata nama. Pemerhatian, temu bual dan data berbentuk dokumen merupakan kaedah pengumpulan data kajian ini. Analisis kandungan dan pola digunakan untuk menganalisis data. Dua jenis triangulasi digunakan untuk menyemak data iaitu triangulasi antara kaedah dan triangulasi sumber. Analisis data kajian menunjukkan bahawa penggunaan imej visual sebagai ransangan lebih berkesan dengan adanya garisan di bawah kata nama yang melebihi satu perkataan. Selain itu, amalan pengajaran saya turut ditambah baik melalui pengenalan imej visual secara ansur maju.

Kata kunci: Imej Visual, kata nama am dan kata nama khas, kemahiran menulis, Pendekatan Pengajaran Ekspositori Ausubel, ansur maju

ABSTRACT

This research was done to improve my teaching and learning practices related to Malay Language. In addition to that, this research also explored how visual images using development approach help pupils to write “nouns” and “proper nouns” using the correct punctuations? The visual images stimuli were used in stages, based on Ausuble’s (1968) Expository Teaching Approach. The participants of this research were two Year Four pupils who faced problems in writing nouns. Observations, interviews and documents were used to collect data. Data analysis were done using content analysis and pattern analysis. Triangulations of methods and sources were used for data checking. Analysis of data showed that the used of visual images as stimuli was more effective when the nouns with more than one word were underlined. Besides that, my own teaching practices were improved through the introduction of visual images.

Keywords: Visual Images, nouns and proper nouns, writing skills, Ausubel’s Expository Teaching Approach, developmental approach

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan seorang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam bidang Bahasa Melayu ambilan Januari 2009 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL). Saya telah menjalani tiga kali latihan praktikum mengikut tempat yang berbeza di bandar raya Kuching.


Praktikum Fasa III saya jalankan selama tiga bulan di Sekolah Kebangsaan Seroja (nama samaran). Saya telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu kelas Tahun 4 Perak (nama samaran). Semasamelaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan menyemak latihan-latihan yang diberikan, saya dapati dua orang murid melakukan kesalahan menulis "Kata Nama Khas" (KNK) menggunakan huruf kecil. Jika dirujuk pada Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003) untuk bahagian kemahiran menulis, terdapat objektif yang mengutamakan penggunaan tanda baca dalam hasil pembelajaran. Nik Safiah Karim dan Norliza Jamaluddin (2005) menjelaskan bahawa tanda baca merupakan lambang-lambang yang digunakan sewaktu menulis untuk memberi penjelasan tambahan tentang makna yang ingin disampaikan. Antara tanda-tanda tersebut ialah huruf besar, titik, tanda soal dan tanda seru.

Oleh itu, saya menggunakan kesempatan ini untuk memperbaiki kemahiran bahasa saya dan sekali gus menambah baik penulisan murid saya dalam menulis "Kata Nama Am" (KNA) menggunakan huruf kecil dan KNK menggunakan huruf besar.

Fokus Kajian

Apakah punca kesalahan penggunaan tanda baca semasa menulis KNA dan KNK? Bagaimanakah cara untuk membezakan KNA dan KNK? Persoalan ini sangat unik kerana saya sendiri kadangkala keliru antara KNA dengan KNK. Saya cuba mengkaji masalah ini untuk membantu murid membezakan golongan KNA dan KNK. Murid tahu bahawa KNK ditulis menggunakan huruf besar pada pangkal perkataan manakala KNA pula ditulis menggunakan huruf kecil. Walau bagaimanapun, mereka masih melakukan kesalahan dalam latihan yang diberikan.

Rajah 1 menunjukkan kesilapan penulisan KNA oleh Ruru (nama samaran) dan Panpan (nama samaran) semasa saya memberikan latihan mengkategorikan kata nama pada 23 Februari 2012.

	Ruru mengkategorikan KNA 'kampung' dengan betul tetapi menulis huruf pertama KNA menggunakan huruf besar.		Panpan juga mengkategorikan kata nama dengan betul tetapi menulis huruf pertama KNA menggunakan huruf besar.
---	---	---	--

Rajah 1. Latihan mengkategorikan KNA dan KNK (Khamis, 23 Februari 2012).

Ruru dan Panpan melakukan kesalahan yang sama iaitu menulis huruf pertama KNA menggunakan huruf besar. Ruru melakukan dua kesalahan iaitu menulis KNA menggunakan huruf besar dan mengkategorikan KNA dalam kategori KNK iaitu "Jiran" dan "Kedai". Panpan pula mengkategorikan dengan betul tetapi menulis KNK menggunakan huruf besar iaitu "Kampung", "Kedai Rucit" dan "Kebun".

Saya juga menjalankan temu bual dengan Ruru dan Panpan untuk mengenal pasti sama ada mereka benar-benar menghadapi masalah semasa menulis KNA dan KNK menggunakan tanda baca yang betul. Temu bual untuk mengenal pasti sama ada Ruru dan Panpan dapat membezakan KNA dengan KNK. Rajah 2 menunjukkan transkripsi temu bual saya bersama mereka.

Saya	: Baiklah. Antara "Kata Nama Am" dengan "Kata Nama Khas", yang manakah huruf pertama perlu ditulis menggunakan huruf besar?
Ruru	: "Kata Nama Khas".
Saya	: Panpan?
Panpan	: "Kata Nama Khas" ...erm(memandang muka Ruru)...am. Ha....Kata Nama Khas.
Saya	: Sekarang cikgu sebut perkataan, awak beritahu perkataan tersebut sama ada "Kata Nama Am" atau "Kata Nama Khas". Kereta Kancil?
Panpan	: Khas
Ruru	: Am.
Saya	: Baiklah. Ruru, cuba beritahu cikgu macam mana awak hendak bezakan "Kata Nama Am" dengan "Kata Nama Khas"?
Ruru	: tak tau..(sambil menjungkit bahu)
Saya	: Panpan?
Panpan	: Pecah dua (sambil memotong angin dengan tangan).

Rajah 2. Transkrip temu bual bersama Ruru dan Panpan (Khamis, 1 Mac 2012).

Berdasarkan temu bual tersebut, saya mendapati Panpan kurang yakin dengan jawapan yang diberikan. Panpan "memandang muka Ruru" semasa menjawab dan Panpan masih tidak dapat membezakan antara KNA dengan KNK. Ruru juga masih mengalami kekeliruan dan tidak dapat menyatakan perbezaan KNA dengan KNK dengan menyatakan bahawa dia "tidak tahu sambil mengangkat bahunya". Pada pandangan saya, masalah menulis KNA dan KNK menggunakan tanda baca yang betul bermula dari kekeliruan kerana mereka tidak dapat membezakan kedua-dua golongan kata nama tersebut. Oleh itu, saya memilih fokus kajian menulis KNA dan KNK dengan tanda baca yang betul untuk membantu mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

- menambah baik amalan kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu Tahun Empat menggunakan rangsangan imej visual secara ansur maju, dan
- membolehkan dua orang peserta kajian mengaplikasikan penggunaan huruf besar dan kecil dengan betul semasa menulis KNA dan KNK melalui penggunaan imej visual secara ansur maju.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Bagaimanakah penggunaan imej visual dapat menambah baik mutu pengajaran saya dari segi pengajaran kemahiran menulis KNA dan KNK menggunakan tanda baca yang betul dalam Bahasa Melayu Tahun Empat?
- Sejauh manakah penggunaan imej visual secara ansur maju dapat membantu murid Tahun Empat untuk menulis "Kata Nama Am" dan "Kata Nama Khas" menggunakan tanda baca yang betul.

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) menerangkan bahawa stimulus merupakan dorongan atau rangsangan. Rangsangan merupakan sesuatu yang merangsang dan menimbulkan reaksi. Rangsangan merupakan aspek penting dalam proses pembelajaran. Thorndike (1906)(dalam Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009) menyatakan bahawa proses pembelajaran merupakan hubungan antara rangsangan dan gerak balas. Skinner (1930)(dalam Kamarudin Husin, 1989) menyatakan bahawa bahasa adalah hasil proses perilaku iaitu hasil rangsangan dan tindak balas yang berlaku. Oleh itu, saya cuba mengaplikasikan rangsangan untuk membentuk tindak balas yang positif daripada peserta kajian saya.

Pelaksanaan tindakan menggunakan rangsangan dalam penyelidikan ini berasaskan Pendekatan Pengajaran Ekspositori Ausubel (1968)(dalam Noriati A.Rashid et al., 2009). Beliau menyatakan pembelajaran merupakan proses menggabungkan maklumat baharu ke dalam maklumat sedia ada dengan membuat perkaitan antara kedua-dua maklumat tersebut. Pendekatan Pengajaran Ekspositori ini menekankan kemajuan langkah demi langkah. Oleh itu, saya menggunakan imej visual dalam latihan secara ansur maju untuk penyelidikan ini. Saya menggunakan gambar adik dan kakak bagi membezakan KNA dengan KNK. Bruner (1960)(dalam Noriati A.Rashid et al.) berpendapat bahawa secara semula jadi seseorang itu belajar dengan cara menemui sendiri pertalian di antara berbagai-bagai rangsangan yang terdapat dalam alam sekeliling. Oleh itu, gambar adik dan kakak yang saya gunakan merupakan rangsangan berdasarkan persekitaran peserta kajian.

Saya turut mempraktikkan bimbingan individu dalam usaha membaiki penulisan kata nama peserta kajian saya. Walau bagaimanapun, saya tidak membimbangi murid sepanjang tindakan kerana saya ingin menerapkan teori konstruktivisme sosial yang dipelopori oleh Vygotsky (1978) (dalam Noriati A.Rashid et al., 2009). Beliau memperkenalkan teknik “scaffolding” iaitu proses membimbangi dan membantu murid. Berdasarkan teknik “scaffolding”, bimbingan dan sokongan dilakukan mengikut keperluan murid. Bimbingan dikurangkan apabila murid menguasai sesuatu peringkat. Apabila murid mampu melakukan sendiri, guru tidak lagi memberi bimbingan. Oleh itu, saya hanya membimbangi peserta kajian pada peringkat awal tindakan untuk memberi peluang peserta kajian mengaplikasikan ilmu yang diperoleh pada peringkat awal.

Pelaksanaan Tindakan

Penyelidikan tindakan dilaksanakan semasa sesi P&P Bahasa Melayu dalam kelas. Saya melaksanakan dua kitaran iaitu kitaran pertama menggunakan rangsangan kata tanya “apa” yang bermula pada 27 Februari 2012 hingga 10 April 2012. Pelaksanaan kitaran ini tidak berjaya dan saya menambah baik dengan melaksanakan kitaran kedua iaitu menggunakan rangsangan imej visual pada 5 hingga 17 Julai 2012.

Dalam kitaran pertama, beberapa latihan aras mudah diberikan kepada murid tetapi mereka masih melakukan kesalahan yang sama dan tidak dapat memahami

konsep penggunaan kata tanya “apa” bagi membina KNK daripada KNA yang diberikan. Rajah 3 menunjukkan latihan aras mudah pada 10 April 2012 yang mana peserta kajian masih melakukan kesalahan.

<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kata nama am <u>Am</u> (apa)</th><th>Kata nama khas</th></tr> </thead> <tbody> <tr><td>muzium (apa)</td><td>Muzium Negara</td></tr> <tr><td>cikgu</td><td>Cikgu Suzi</td></tr> <tr><td>batu bersurat</td><td>Batu Bersurat Olegganmu</td></tr> <tr><td>bilik</td><td>Bilik Guru</td></tr> <tr><td>stadium</td><td>Stadium Bola Sepak</td></tr> <tr><td>kampung</td><td>Kampung Serian</td></tr> </tbody> </table>	Kata nama am <u>Am</u> (apa)	Kata nama khas	muzium (apa)	Muzium Negara	cikgu	Cikgu Suzi	batu bersurat	Batu Bersurat Olegganmu	bilik	Bilik Guru	stadium	Stadium Bola Sepak	kampung	Kampung Serian	KNK yang ditulismenggunakan huruf kecil. KNA yang ditulisberdasarkan rangsangan
Kata nama am <u>Am</u> (apa)	Kata nama khas														
muzium (apa)	Muzium Negara														
cikgu	Cikgu Suzi														
batu bersurat	Batu Bersurat Olegganmu														
bilik	Bilik Guru														
stadium	Stadium Bola Sepak														
kampung	Kampung Serian														

Rajah 3. Latihan Ruru (Selasa, 10 April 2012).

Ekoran keputusan tersebut, saya melaksanakan kitaran kedua menggunakan rangsangan imej visual. Beberapa siri langkah diambil seperti yang diterangkan berikut.

Langkah 1: Menerangkan fungsi imej visual yang digunakan.


Jadual imej visual disertakan dalam latihan. Saya menerangkan fungsi imej visual sambil menunjukkan jadual dalam latihan. Rajah 4 merupakan jadual imej visual yang diberikan.

Kata nama am	Kata nama khas
 - ditulis dengan menggunakan huruf kecil pada pangkal perkataan. Contoh : adik, ibu, sekolah	 - ditulis dengan huruf besar pada pangkal perkataan Contoh : Sekolah Kebangsaan Semerah Padi

Rajah 4. Jadual imej rangsangan dalam latihan.

Langkah 2: Latihan menyalin semula perkataan

Murid-murid diminta menyalin semula KNA dan KNK menggunakan tanda baca yang betul berdasarkan petikan yang diberikan. Rajah 5 menunjukkan latihan menyalin semula perkataan.

	Gambar kakak mewakili kata nama khas. 
	Gambar adik mewakili kata nama am. 

Rajah 5. Latihan menyalin perkataan (5 Julai 2012).

Langkah 3: Latihan menyalin semula ayat

Murid-murid diberikan petikan yang mempunyai imej visual dan diminta menyalin semula ayat menggunakan tanda baca yang betul dalam buku latihan. Rajah 6 menunjukkan contoh soalan latihan menyalin semula ayat.

<p>Sebut penama, perincianan dia, berasal, adakah, buku, tulis dengan menggunakan rumus buku atau buat.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat dua jenis gong iaitu gong besar dan gong kecil. 2. Gong yang besar dinamakan gong jantan atau anak manakala gong yang kecil dinamakan gong betina atau ibu. 3. Gong dipukul dengan menggunakan pemukul kayu yang diletakkan kepalaanya dengan kelebar. 4. Sekarangnya, gong berasal dari negara China. 5. Sekarang, gong banyak didapati di negara India, Asia Timur dan Asia Tenggara. 	<p>1. Terdapat dua jenis gong iaitu gong besar dan gong kecil.</p> <p>2. Gong yang besar dinamakan gong jantan atau anak manakala gong yang kecil dinamakan gong betina atau ibu.</p> <p>3. Gong dipukul dengan menggunakan pemukul kayu yang diletakkan kepalaanya dengan kelebar.</p> <p>4. Sekarangnya, gong berasal dari negara China.</p> <p>5. Sekarang, gong banyak didapati di negara India, Asia Timur dan Asia Tenggara.</p>
---	--

Rajah 6. Latihan menyalin semula ayat (10 Julai 2012).

Langkah 4: Latihan menyalin semula petikan(1)

Murid-murid diberikan petikan dan diminta menyalin semula petikan menggunakan tanda baca yang betul. Rajah 7 menunjukkan latihan menyalin petikan pertama pada 11 Julai 2012.

<p>Jato tinggi, Jumat – seorang pemandu triler terbunuh manakala kelindungnya cedera parah apabila kendarnya kelongsong dengan sebuah lagi triler di Simpang Tiga Jalan pintas Johor Bahru – Mersing – Kota Tinggi, dekat sini, petang semalam. Mengas, che mehal che jusoh meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, manakala kelindungnya triler pengangkut tabung gas dikenali sebagai Ali Mohamed, 49, masih dirawat di Hospital Kota Tinggi (HKT). Mengatakan dalam pernyataan dati Johor Bahru menghalau ke Mersing apabila sebuah triler bolak melintasi datar satu Simpang menghalau ke arah laluan kenderaan Mersing. Tujuan republikannya lalu hantam gambar leluhur Kata Raja Bagian Ketenteraan Adam dan Tuanku Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD), Assisten Superintendant Adnan Mohd Ali bersesak-saksa mengurangkan kesesakan di laluan itu.</p>

Rajah 7. Latihan menyalin petikan(1) (11 Julai 2012).

Langkah 5: Latihan mengimlak

Latihan mengimlak diberikan untuk mengenal pasti sama ada murid dapat membezakan KNA dan KNK. Rajah 8 menunjukkan latihan mengimlak pada 12 Julai 2012.

<p>Kota Tinggi, Jumat – Seorang pemandu triler terbunuh manakala kelindungnya cedera parah apabila kendarnya kelongsong dengan sebuah lagi triler di Simpang Tiga Jalan pintas Johor Bahru – Mersing – Kota Tinggi, dekat sini, petang semalam. Mengas, che mehal che jusoh meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, manakala kelindungnya triler pengangkut tabung gas dikenali sebagai Ali Mohamed, 49, masih dirawat di Hospital Kota Tinggi (HKT). Mengatakan dalam pernyataan dati Johor Bahru menghalau ke Mersing apabila sebuah triler bolak melintasi datar satu Simpang menghalau ke arah laluan kenderaan Mersing. Tujuan republikannya lalu hantam gambar leluhur Kata Raja Bagian Ketenteraan Adam dan Tuanku Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD), Assisten Superintendant Adnan Mohd Ali bersesak-saksa mengurangkan kesesakan di laluan itu.</p>	<p>Kota Tinggi, Jumat – Seorang pemandu triler terbunuh manakala kelindungnya cedera parah apabila kendarnya kelongsong dengan sebuah lagi triler di Simpang Tiga Jalan pintas Johor Bahru – Mersing – Kota Tinggi, dekat sini, petang semalam. Mengas, che mehal che jusoh meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, manakala kelindungnya triler pengangkut tabung gas dikenali sebagai Ali Mohamed, 49, masih dirawat di Hospital Kota Tinggi (HKT). Mengatakan dalam pernyataan dati Johor Bahru menghalau ke Mersing apabila sebuah triler bolak melintasi datar satu Simpang menghalau ke arah laluan kenderaan Mersing. Tujuan republikannya lalu hantam gambar leluhur Kata Raja Bagian Ketenteraan Adam dan Tuanku Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD), Assisten Superintendant Adnan Mohd Ali bersesak-saksa mengurangkan kesesakan di laluan itu.</p>
<p>Rurutidakmelakukankesilapandalamlatihanmenimlak.</p>	<p>Panpanmenulis KNK menggunakan huruf kecil.</p>

Rajah 8. Latihan mengimlak (12 Julai 2012).

Langkah 6: Latihan menyalin petikan(2)

Aras latihan ditingkatkan yang mana kata nama tidak digariskan dan imej visual hanya diletakkan pada perkataan yang dibaca kali pertama sahaja. Rajah 9 menunjukkan latihan menyalin petikan kedua.



Rajah 9. Latihan menyalin petikan(2) (17 Julai 2012).

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan saya dan dua orang murid Tahun 4 Perak. Saya turut merupakan peserta kajian dalam usaha menambah baik amalan kendiri saya selaras dengan pernyataan Kemmis & McTaggart (1998, ms 5) (dalam Chuah, 2010) yang menyatakan bahawa penyelidikan tindakan merupakan refleksi kendiri penyelidik untuk menambah baik amalan kendirinya dalam kemahiran yang digunakan dalam penyelidikan. Dua orang murid lelaki iaitu Ruru dan Panpan merupakan peserta kajian ini. Mereka berumur 10 tahun. Kedua-dua peserta kajian tidak mendapat A dalam Ujian Pertengahan Semester 1 kertas penulisan Bahasa Melayu yang mana Ruru mendapat 73 markah dan Panpan mendapat 43 markah.

Etika Penyelidikan

Pihak institut telah menghantar surat memohon kebenaran daripada pihak sekolah sebelum saya memulakan kajian. Kemudian, saya mendapatkan kebenaran daripada dua orang peserta kajian saya secara bertulis. Penerangan telah diberikan agar mereka faham objektif dan hak sebagai peserta kajian sebelum mereka mengisi surat persetujuan penyertaan kajian. Rajah 10 menunjukkan contoh surat persetujuan penyertaan murid.

<u>Surat Persetujuan Penyertaan Menjadi Peserta Kajian Penyelidikan</u>
Saya _____ dari kelas _____ bersetuju / tidak bersetuju (*) untuk menjadi peserta kajian penyelidikan tindakan Cikgu Suzi binti Jinau bagi menyelesaikan masalah menulis huruf besar bagi KNKI saya.
Saya telah diberitahu tentang kesan penglibatan saya dalam kajian ini dan sedia maklum bahawa saya boleh menarik diri dari menjadi peserta kajian bila-bila masa. Saya berjanji juga bahawa saya akan memaklumkan terlebih dahulu kepada Cikgu Suzi binti Jinau, guru pelatih Bahasa Melayu sekiranya ingin menarik diri dari kajian.

Rajah 10. Contoh surat persetujuan penyertaan.

Teknik Mengumpul Data

Saya telah menggunakan tiga kaedah penggumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, temu bual dan data berbentuk dokumen untuk memastikan data yang dikumpul mencukupi dan menyeluruh dalam menjawab soalan-soalan kajian ini.

Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan sepanjang pelaksanaan tindakan. Semasa membuat pemerhatian, saya menggunakan nota lapangan. Perkara yang difokuskan dalam nota lapangan merangkumi aktiviti, huraian latar, kesihatan dan perasaan peserta kajian dan refleksi kendiri. Nota lapangan menunjukkan rekod maklumat perkembangan peserta dari permulaan hingga ke akhir pelaksanaan penyelidikan tindakan dan sebagai rujukan sekiranya peserta kajian melakukan kesalahan dalam latihan.

Temu bual

Saya telah menggunakan temu bual separa struktur demi memperoleh maklumat lanjut dan pandangan daripada peserta. Contoh soalan temu bual yang saya kemukakan kepada peserta kajian setelah tindakan diambil adalah seperti berikut.

- Adakah penggunaan imej visual memudahkan kamu membezakan KNA dengan KNK?
- Gambar apakah yang mewakili KNA?
- Bolehkah kamu beritahu bagaimana cara membezakan KNA dengan KNK?


Data berbentuk dokumen

Data berbentuk dokumen yang saya gunakan adalah lembaran kerja. Peserta kajian diberikan lembaran kerja yang menggunakan rangsangan imej visual sepanjang tempoh pelaksanaan tindakan. Data yang dikumpul ini adalah sumber jenis primer. Ia menunjukkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap penggunaan imej visual untuk membezakan KNA dan KNK.

Teknik Menganalisis Data

Saya telah menggunakan analisis kandungan dan analisis pola untuk menganalisis data yang telah dikumpul bagi mendapatkan maklumat yang berguna untuk mencadangkan kesimpulan dan menyokong keputusan.

Saya menganalisis kandungan latihan yang dijawab oleh peserta kajian. Saya akan membulatkan kesalahan yang dilakukan oleh peserta kajian. Kemudian, saya menggunakan petak bergaris penuh untuk menandakan kesalahan menulis KNA menggunakan huruf besar dan petak bergaris putus-putus untuk menanda kesalahan menulis KNK menggunakan huruf kecil. Rajah 11 menunjukkan contoh analisis kandungan latihan pada 17 Julai 2012.



Rajah 11. Contoh analisis kandungan latihan (17 Julai 2012).

Berdasarkan analisis kandungan, saya telah menganalisis pola kesalahan peserta kajian mengikut jumlah kesalahan setiap latihan dan dipaparkan dalam bentuk jadual. Jadual 1 menunjukkan pola kesalahan dalam latihan.

Jadual 1

Pola Kesalahan Dalam Latihan

Kategori	Ruru		Panpan	
	Kesalahan KNA	Kesalahan KNK	Kesalahan KNA	Kesalahan KNK
Latihan perkataan	0	1	1	0
Latihan ayat	0	1	0	0
Latihan petikan satu	0	0	0	2
Latihan petikan dua	4	4	9	5

Daripada Jadual 1, saya menginterpretasi bahawa kesalahan peserta kajian semakin berkurang. Walau bagaimanapun, pada aras tinggi iaitu latihan petikan(2) kesalahan semakin bertambah.

Teknik Menyemak Data

Seterusnya, dalam usaha mengesahkan data-data yang telah dikumpul, saya menggunakan cara triangulasi bagi membina keyakinan terhadap data yang dianalisis. Saya menggunakan triangulasi antara kaedah dan triangulasi sumber. Saya menggunakan triangulasi antara kaedah melibatkan hasil analisis nota lapangan, temu bual dan data berbentuk dokumen. Rajah 12 menunjukkan contoh triangulasi antara kaedah yang telah digunakan.

Nota lapangan		Temu bual		Data berbentuk dokumen	
Nama : Ruru	Tarikh : 10 Julai 2012	Tarikh : 11 Julai 2012	Masa : 10:25 pagi	1. Terdapat dua jenis gong iaitu gong besar dan gong kecil.	
Masa : 0915-1015	Kehadiran : Hadir	Masa : 10:25 pagi	Tempat : Bilik guru	2. Gong yang besar dinamakan gong jantan atau anak manusia dan gong yang kecil dinamakan gong betina atau ibu.	
Aktiviti : Menyalin semula ayat menggunakan tanda baca betul		Sifat : Temu bual bersama Ruru	Saya : Mengalih lagu kamu melakukan kesalahan menulis huruf 'v' untuk lisan yang merupakan kata nama khas menggunakan huruf 'kec'. Semua kamu melakukan kesalahan yang sama. Kamu tulis 'c' untuk China yang merupakan kata nama khas menggunakan huruf 'kec'. Sebaik berlatuh di kelas?	3. Gong dipukul dengan menggunakan pemukul kayu yang dialaskan kepada gong dengan kerlas.	
Latar : Ruru duduk di tempat yang telah ditetapkan seperti biasa.	Kesihatan dan perasaran Ruru kelelahan gemora dan melayan Pangar dengan baik.	Ruru : Ya. Temu bual bersama Ruru	Ruru : 'c' kec? (sambil menggerakkan kening dan melihat latihan)	4. Sekarang, gong berasal dari negara China.	
Refleksi kendiri : Ruru banyak berbincang dengan Pangar. Kadang-kala perlu ada mereka tidak menjingka kepada topik pembelajaran. Mereka mencantum tentang cinta yang mereka tonton di televisyen. Ruru kelelahan senonoh betul dengan Pangar. Ruru tidak berminat dengan pembelajaran. Ruru hanya berminat menyanyi semula kerja. Apabila ditanya, Ruru dan Pangar berkhemah betul dan Ruru menyatakan kerja tanpa berbincang dengan Pangar		Saya : Ya. 'c' kec? Kerap?	Ruru : 'c' kec ka cili... 'C' besar ya cili. (sambil tersenggah)	5. Sekarang, gong banyak didapati di negara India, Asia Timur dan Asia Tenggara.	

Rajah 12. Triangulasi antara kaedah iaitu nota lapangan, temu bual dan data berbentuk dokumen

Triangulasi sumber pula saya lakukan apabila saya menemu bual guru pembimbing, peserta kajian dan rakan praktikum. Fokus temu bual adalah untuk mengetahui sama ada penggunaan imej visual memudahkan peserta kajian membezakan antara KNA dengan KNK.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- Bagaimanakah penggunaan imej visual secara ansur maju dapat menambah baik mutu pengajaran saya dari segi pengajaran kemahiran menulis "Kata Nama Am" dan "Kata Nama Khas" menggunakan tanda baca yang betul Bahasa Melayu Tahun Empat?


Sebelum memperkenalkan penggunaan imej visual untuk membezakan KNA dan KNK, saya hanya memberikan penerangan secara verbal kepada peserta kajian. Penyataan secara verbal ini tidak diteguhkan yang menyebabkan pengetahuan yang murid peroleh hanya berada dalam ingatan jangka pendek. Oleh itu, saya menambah baik amalan kendiri dengan memperkenalkan imej visual sebagai penuguhan kepada penerangan secara verbal mengenai perbezaan KNA dan KNK. Hal ini selaras dengan teori pembelajaran Gagne (1985) (dalam Mohd Safarin Nordin & Muhammad Sukri Saud, 2007) yang menyatakan bahawa maklumat berbentuk imej terperinci dan gambar membantu mengekalkan daya ingatan seseorang tentang sesuatu maklumat untuk tempoh yang panjang.

Selain itu, saya juga dapat menambah baik lembaran kerja yang diberikan. Daripada lembaran kerja yang hanya mengandungi tulisan dan garisan, saya menggunakan lembaran kerja yang mengandungi imej visual. Ini selaras dengan fungsi lembaran kerja yang dinyatakan oleh Dale (1963) (dalam Kamarudin Husin,

1989). Beliau menyatakan bahawa bahan bantu mengajar mempunyai dua tujuan utama iaitu merangsang dan menjelaskan penerangan. Bahan bantu mengajar juga dapat menyeronokkan murid semasa belajar. Lembaran kerja merupakan antara bahan bantu mengajar.

- **Sejauh manakah penggunaan imej visual secara ansur maju dapat membantu murid Tahun Empat menulis KNA dan KNK menggunakan tanda baca yang betul?**

Penggunaan imej visual secara ansur maju memberi kesan positif kepada peserta kajian. Latihan imlak dilaksanakan untuk melihat kesan tindakan. Rajah 13 menunjukkan hasil latihan mengimlak pada 12 Julai 2012.



Rajah 13. Latihan mengimlak (12 Julai 2012).

Setelah memberikan latihan menggunakan rangsangan imej visual, saya memberikan latihan mengimlak untuk mengenal pasti sama ada peserta kajian dapat membezakan KNA dan KNK tanpa imej visual. Kedua-dua peserta kajian tidak melakukan sebarang kesilapan dalam latihan mengimlak. Hal ini selaras dengan kenyataan Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman (2011), bahawa sekiranya murid kerap menulis, secara tidak langsung murid akan membaca perkataan yang ditulis dan memudahkan mereka untuk mengingat perkataan tersebut.

Ekoran daripada pencapaian mereka, saya meningkatkan aras latihan yang diberikan. Saya tidak lagi menggaris kata nama tersebut dan hanya meletakkan imej visual di bawah perkataan yang muncul pada kali pertama dalam petikan. Setelah aras latihan ditingkatkan, jumlah kesalahan kedua-dua peserta kajian semakin meningkat. Saya menemu bual kedua-dua peserta kajian pada 18 Julai 2012 untuk mengenal pasti punca masalah tersebut. Rajah 14 menunjukkan transkrip temu bual pada 18 Julai 2012.

Saya	:Adakah penggunaan imej visual iaitu gambar di bawah perkataan membantu kamu membezakan KNA dan KNK.
Ruru	:Aok. Tapi mun ada garis bagus gik. (Ya. Tapi kalau ada garis bagus lagi)
Panpan	:Aok. Ada garis senang gik cikgu. (Ya. Ada garis senang lagi cikgu)

Rajah 14. Transkrip temu bual bersama peserta kajian (18 Julai 2012).

Berdasarkan temu bual, peserta kajian bersetuju bahawa imej visual memudahkan mereka membezakan KNA dan KNK. Mereka juga menyatakan bahawa sekiranya ada garisan di bawah perkataan, lebih mudah untuk mereka membezakan KNA dan KNK.

Penggunaan imej visual dengan garisan pada kata nama memudahkan peserta kajian membezakan KNA dan KNK. Apabila peserta kajian dapat membezakan kedua-dua kata nama tersebut, secara tidak langsung mereka dapat mengaplikasikan tanda baca yang betul untuk kata nama tersebut. Walau bagaimanapun, tanpa garisan di bawah kata nama, peserta kajian melakukan kesalahan semasa menulis kata nama yang lebih daripada satu perkataan. Peserta kajian masih bergantung kepada garisan dan imej visual di bawah kata nama untuk membezakan KNA dan KNK.

Refleksi Penilaian Tindakan

Penyelidikan tindakan ini telah memberi kesan positif kepada saya dan peserta kajian ini. Kesalahan tanda baca semasa menulis KNA dan KNK semakin kurang pada peringkat awal tindakan. Hal ini menyokong pernyataan Lohr (2003) (dalam Wan Ali Akhbar Wan Abdullah, Nursarfa Mohd Zhaffar & Mohd Isa Hamzah, 2012), yang menyatakan bahawa penggunaan gambar dan tulisan akan dapat memberikan kesan yang positif dalam meningkatkan ingatan, jika direka bentuk dengan cara yang betul.

Walau bagaimanapun, peserta kajian saya melakukan beberapa kesalahan semasa melakukan latihan aras tinggi iaitu menyalin semula petikan dengan rangsangan visual tanpa garisan pada kata nama pada 17 Julai 2012. Berdasarkan tingkah laku bukan lisan dalam nota lapangan pada 17 Julai 2012, peserta kajian menghadapi keliruan dengan “mengerutkan kening”, “menggaru kepala” dan bertukar pandangan sesama mereka. Saya mentafsir mereka tidak faham arahan yang saya nyatakan sebelum memberi latihan. Azizi Yahya dan Elangovan M. Savarimuthu (2010) menyatakan bahawa kesilapan tafsiran dalam konsep yang diterangkan akan memberi gambaran yang berlainan daripada makna sebenar.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Dengan melaksanakan penyelidikan tindakan ini saya sedar seorang guru mempunyai akauntabiliti terhadap murid yang mana guru perlu memberi penjelasan sekiranya pencapaian akademik murid merosot. Sebagai seorang bakal guru saya perlu bersedia dengan pengetahuan yang mendalam khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini kerana Suhaimi Yunus (2009) menyatakan bahawa 30 peratus murid amat lemah dalam penggunaan sistem ejaan Bahasa Melayu dan tanda baca yang betul. Oleh itu, penyelidikan tindakan yang menggunakan imej visual ini boleh diaplikasikan untuk membantu masalah kemahiran menulis yang lain sekiranya diubah suai mengikut konteks.

Penyelidikan tindakan ini juga memberi banyak ilmu kepada saya khususnya dalam memberikan latihan kepada murid. Melalui penyelidikan tindakan ini, saya mempelajari bahawa saya selaku guru perlu menyediakan lembaran kerja yang menarik dan berbeza-beza kerana latihan yang sama membosankan murid. Lembaran kerja yang diberikan juga harus berfungsi merangsang, menyampaikan maklumat dan menyeronokkan murid seperti yang dinyatakan oleh Dale (1963) (dalam Kamarudin Husin, 1989).


Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya

Dapatan kajian menunjukkan perubahan yang positif yang mana kesalahan menulis KNA dan KNK peserta kajian semakin kurang. Walau bagaimanapun, untuk latihan Seminar Penyelidikan Tindakan IPGKBL Tahun 2012/

pada aras tinggi iaitu menyalin petikan yang kedua, murid melakukan beberapa kesalahan. Hal ini kerana saya sudah tidak menggariskan kata nama yang perlu ditukar. Selain itu, imej visual hanya sesuai digunakan untuk satu perkataan atau huruf.

Sehubungan itu, bagi kitaran yang seterusnya saya akan mengaplikasikan pembelajaran masteri bagi memastikan kaedah ini benar-benar berkesan. Hal ini kerana dalam pembelajaran masteri, murid perlu menguasai sesuatu kemahiran sebelum beralih ke kemahiran yang seterusnya. Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) (dalam Noriat A. Rashid et al., 2009), mengatakan bahawa “pembelajaran masteri merupakan suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran yang dihasilkan dalam suatu unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran seterusnya” (ms 107).

Bagi kitaran seterusnya, saya masih menggunakan imej visual sebagai rangsangan. Bagi memastikan peserta kajian benar-benar menguasai kemahiran menulis kata nama, saya akan memberikan latihan secara latih tubi sehingga murid tidak melakukan sebarang kesalahan sebelum beralih ke peringkat yang seterusnya. Saya akan mengaplikasikan konsep bermain sambil belajar dalam latihan yang saya berikan pada peringkat awal yakni menggunakan permainan mencari jalan keluar. Rajah 15 menunjukkan contoh latihan yang akan saya berikan. Peserta kajian akan menulis perkataan yang dijumpai sepanjang perjalanan mencari jalan keluar ke dalam buku tulis.



Rajah 15. Latihan mencari jalan keluar.

Apabila peserta kajian sudah menguasai kemahiran menulis KNA dan KNK aras mudah iaitu menyalin semula perkataan tanpa ada kesalahan, barulah saya beralih ke peringkat seterusnya iaitu menyalin ayat. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Ahmad Khair Mohd. Nor (2005) (dalam Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman, 2011) yang menyatakan bahawa dalam pengajaran kemahiran menulis, penguasaan peringkat asas akan dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan akhirnya membentuk wacana yang lengkap dan difahami. Oleh itu, saya bermula dari menulis perkataan kepada menulis ayat dan seterusnya beralih kepada petikan.

Seterusnya, sebagai penambahbaikan kepada masalah latihan terakhir dalam penyelidikan tindakan ini, saya akan memastikan peserta kajian saya dapat membezakan KNA dan khas sebelum memberikan mereka latihan aras tinggi. Selain itu, latihan mengimlak petikan yang diberikan semasa penyelidikan tindakan ini lebih banyak mengandungi KNA berbanding KNK. Dalam kitaran yang seterusnya, saya akan memberikan latihan mengimlak petikan yang mengandungi

kedua-dua kata nama dalam kuantiti yang seimbang. Dengan cara ini, apabila mereka lulus latihan tersebut, barulah saya beralih ke peringkat yang seterusnya.

RUJUKAN

- Azizi Yahya, Shahrin Hashim & Yusof Boon. (2007). *Isu-isu Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Selangor: Univision Press.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran kemahiran menulisdi sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- Chuah Kim Hwa. (2010). Satu, empat atau 42?: Menyingkap isu peserta kajian dalam pelaksanaan penyelidikan tindakan. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2010*, 4, 85-108.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Hj. Husin. (1989). *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya: Longman.
- Mohd Safarin Nordin & Muhammad Sukri Saud. (2007). Kajian awal terhadap kebolehan ruang pelajar-pelajar Pengajian Kejuruteraan di Sekolah-Sekolah Menengah Teknik. *1st International Malaysian Educational Technology Convention*, 1105-1116.
- Nik Safiah Karim & Norliza Jamaluddin. (2005). *Bahasa Melayu STPM Kertas 1 & 2*. Selangor: Fajar Bakti.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhirah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Suhaimi Yunus. (2009). *Pemasalahan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid orang Asli*. Projek Sarjana Sains. Serdang: Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar & Mohd Isa Hamzah, (2012). Aplikasi grafik pegun dalam meningkatkan ingatan pelajar dalam bidang Hadis. *Artikel Institut Pendidikan Guru Kampus Islam*, 1-18.